

19 JANUARI 2018

Kantoi sorok dadah dalam bakul

32 setempat 19-01-2018

Marang

Kantoi sorok dadah dalam bakul

Taktik seorang buruh dikenali sebagai Kecik menyorokkan dadah dalam bakul disembunyikan di dapur gagal selepas bahan terlarang itu ditemui ketika pemeriksaan di sebuah rumah di Jambu Bongkok, Merchang di sini, Ahad lalu. Dalam serbuan kira-kira jam 2.30 petang itu, polis merampas 1,000 pil kuda dan wang tunai RM200 dengan nilai rampasan dianggarkan RM12,000.

Ketua Polis Daerah Marang Deputy Superintendan Mohd Suhaimi Ali berkata, serbuan dilakukan sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Marang hasil maklumat awam serta risikan di kawasan itu.

“Hasil pemeriksaan lanjut menemui bungkusan kertas kuning mengandungi lima plastik berisi pil merah dan hijau disyaki pil kuda,” katanya.